

MAHATHIR

1985

BANDAR PUSAT JENGA, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU YANG MENYEBARKAN DAKWAH BAHAWA RANCANGAN TANAH FELDA HANYA MEMPERHAMBAKAN PARA PENEROKA SEPERTI SIKAP ORANG KULIT PUTIH TERHADAP ORANG KULIT HITAM.

KATANYA, JIKA DAKWAAN MEREKA BENAR, MENGAPAKAH RAMAI RAKYAT INGIN MENYERTAI FELDA DAN PADA MASA KINI ADA 9,000 BUAH KELUARGA BEDANG MENUNGGU PENEMPATAN UNTUK MENYERTAI RANCANGAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN RANCANGAN FELDA TERBUKTI DAPAT MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAKYAT, TETAPI GOLONGAN ITU TETAP ENGGAN MENGAKUI HAKIKAT ITU SEPERTI JUGA TERHADAP USAHA-USAHA PEMBANGUNAN LAIN YANG DI AKSANAKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU BERKATA TUJUAN KERAJAAN MENGADAKAN RANCANGAN FELDA DAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG LAIN ADALAH BAGI MENINGGIKAN MARUAH BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS MELETAKKAN BATU ASAS TAPAK INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) CAWANGAN PAHANG DI HADAPAN KIRA-KIRA 10,000 ORANG PENEROKA DI SINI.

PENYEDIAAN TAPAK DAN BANGUNAN AWAL KAMPUS INI DIJANGKA SIAP DALAM MASA TIGA TAHUN DAN BOLEH MENAMPUNG 2,000 ORANG PELAJAR DAN \$15 JUTA TELAH DIPERUNTUKKAN OLEH JABATAN PERDANA MENTERI BAGI TUJUAN ITU.--LAGI

1423MST 22 03 85

MAHATHIR 2 BANDAR PUSAT JENGA

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DISAMBUUT OLEH MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHD NAJIB TUN RAZAK DAN PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DI PANGKALAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) DI KUANTAN UNTUK LAWATAN DUA HARI KE NEGERI PAHANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYESALI SIKAP GOLONGAN ITU YANG MENURUTNYA LANGSUNG TIDAK MEMPERDULIKAN USAHA MENAIKKAN MARUAH ORANG MELAYU PADA PANDANGAN KAUM YANG LAIN DAN MARUAH NEGARA PADA PANDANGAN DUNIA.

+ KERAJAAN TIDAK AKAN BERHENTI DARIPADA BERFIKIR DAN BERUSAHA MEMAJUKAN RAKYAT KERANA KITA TIDAK AKAN DAPAT MENAIKKAN MARUAH BANGSA DAN NEGARA JIKA TIDAK ADA KEMAJUAN,+ KATANYA.

BELIAU KESAL KERANA GOLONGAN ITU SEBALIKNYA LEBIH SUKA MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN RAKYAT KHUSUSNYA ORANG MELAYU DENGAN PERBUATAN MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM.

SAMBIL MENARIK PERHATIAN PARA PENEROKA KEPADA AKIBAT PERANG DUA BUAH NEGARA ISLAM DI ASIA BARAT YANG MENGAKIBATKAN BERPULUH-PULUH RIBU ORANG ISLAM TERBUNUH, PERDANA MENTERI BERTANYA ADAKAH MEREKA ITU DIANGGAP MATI SYAHID? --LAGI

1434MST 22 03 85

MAHATHIR 3 BANDAR PUSAT JENGA

+ ORANG ISLAM TIDAK BOLEH DIKATAKAN MATI SYAHID. MEREKA YANG MATI KERANA BERPERANG SESAMA ISLAM MATI SIA-SIA SAHAJA,+ KATANYA. OLEH ITU PERBUATAN GOLONGAN ITU BERSEDIA BERMATI-MATIAN UNTUK MENENTANG KERAJAAN MENCERMINKAN BAHAWA MEREKA TIDAK MEMAHAMI AGAMA ISLAM ITU SENDIRI.

SEPATUTNYA MEREKA BERASA KECEWA KERANA DALAM USAHA MENDAPATKAN SOKONGAN RAKYAT, ADA ORANG YANG TERKORBAN.

DATUK SERI DR, MAHATHIR BERHARAP PARA PENEROKA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA TARAF HIDUP MEREKA KINI LEBIH BAIK DAN OLEH ITU MEREKA HENDAKLAH BERSYUKUR DAN MEMELIHARA PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA DAN MENYOKONG USAHA PEMBANGUNAN KERAJAAN.

MENGENAI KAMPUS ITM CAWANGAN PAHANG, DI BANDAR PUSAT JENGA INI, BELIAU MENGGESA PARA PENEROKA MEREKUT PELUANG PELAJARAN TINGGI YANG DISEDIAKAN BAGI ANAK-ANAK PENEROKA AGAR ANAK MEREKA DAPAT MENIKMATI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA MEREKA SENDIRI.--LAGI

1438MST 22 07 85

U B419 AAB

MAHATHIR 4 BANDAR PUSAT JENGA

MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHD NAJIB PULA SECARA TERBUKA BERIKRAR BAHAWA KERAJAAN NEGERI DAN SELURUH RAKYAT PAHANG BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PERDANA MENTERI DALAM USAHA KERAJAAN MELAKSANAKAN PELBAGAI RANCANGAN PEMBANGUNAN DEMI KEPENTINGAN RAKYAT.

PETANG INI PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN AKAN MELAWAT DAN MELANCARKAN PROGRAM KAMPUNG TERSUSUN DAN BENGKEL KRAFTANGAN KAMPUNG PASIR DURIAN DI JERANTUT. -- BERNAMA

1439MST 22 03 85